



# OACIP

## PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI 2021-2025 NEGERI PERAK





**02 PERUTUSAN**  
Menteri Besar Perak Darul Ridzuan

**04 PERNYATAAN KOMITMEN**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan

**06 RINGKASAN EKSEKUTIF**

**12 LAPORAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)**  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

**16 PELAN ANTI RASUAH (OACP)**  
**NEGERI PERAK 2021-2025**

- ↳ Bidang Berisiko Pengurusan dan Pentadbiran
- ↳ Bidang Berisiko Penguatkuasaan
- ↳ Bidang Berisiko Perolehan Awam
- ↳ Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan
- ↳ Mekanisme Penyelarasan dan Penilaian

**25 DASAR DAN POLISI ANTI RASUAH**  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

- ↳ Latar Belakang
- ↳ Perlakuan Potensi Rasuah
- ↳ Kesalahan Rasuah Akta SPRM 2009
- ↳ Kesalahan Penerimaan Barang / Hadiah / Sumbangan
- ↳ Polisi Pemberi Maklumat
- ↳ Peranan dan Tindakan
- ↳ Pengiktirafan
- ↳ Laporkan

**35 PENGHARGAAN**



**B**udaya integriti dan misi memerangi jenayah rasuah adalah merupakan agenda utama Kerajaan Negeri Perak dalam melonjakkan tadbir urus pentadbiran ini ke satu tahap yang lebih cemerlang serta memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya jua, Negeri Perak menjadi negeri pertama yang mewajibkan kesemua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta ahli keluarga terdekat untuk melaksanakan pengisytiharaan harta dalam bentuk akuan berkanun kepada Yang Dipertua Dewan Negeri dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Pelaksanaan usaha ini turut dipanjangkan kepada pegawai-pegawai kanan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) negeri, dalam mengisytiharkan harta kepada SPRM.

Momentum usaha dalam membendung risiko rasuah ini diteruskan lagi dengan **Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah (OACP) Negeri Perak 2021-2025**. Pelan ini merupakan salah satu inisiatif pentadbiran ini bagi menyokong aspirasi Kerajaan Persekutuan dalam memastikan negara Malaysia yang dicintai ini bebas daripada rasuah dan dikenali di mata dunia sebagai negara yang berintegriti tinggi.

**Pelan Anti Rasuah (OACP) Negeri Perak 2021-2025** merupakan satu kerangka perancangan komprehensif dan inklusif, yang dibangunkan selaras dengan penggubalan Pelan Antirasuah Nasional atau lebih dikenali sebagai '**National Anti-Corruption Plan (NACP) 2019-2023**'. Penggubahan pelan ini adalah berpandukan kepada Objektif Strategik 2.1 NACP, iaitu Merekayasa Perkhidmatan Awam Ke Arah Urus Baik di bawah Inisiatif 2.1.5, yang mewajibkan sektor awam untuk membangunkan Pelan OACP.

Justeru, kerangka pelan ini telah dibangunkan secara bersama dengan kerjasama pelbagai jabatan, bahagian dan unit dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Perak bagi memastikan kewujudannya benar-benar dapat memberi impak positif secara menyeluruh.

Oleh yang demikian, besarlah harapan saya agar setiap penjawat awam, warga kerja agensi serta semua badan berkanun di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Perak menyambut baik dan bersama-sama melaksanakan usaha pengukuhan integriti, tadbir urus, dan anti rasuah supaya segala matlamat yang telah digariskan mampu diterjemah dan akhirnya membuahkan manfaat seperti mana yang dihasratkan.

Akhir kalam, tahniah dan syabas kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menghasilkan **Pelan Anti Rasuah (OACP) Negeri Perak 2021-2025**. Semoga Allah SWT mengurniakan kekuatan dan mempermudah segala urusan kita dalam melaksanakan agenda murni ini.

*"RAKYAT SELAMAT, NEGERI SEJAHTERA"*

Sekian.

**DATO' HJ SAARANI BIN MOHAMAD**

# PERUTUSAN

**YAB DATO' HJ SAARANI BIN MOHAMAD**

Menteri Besar Perak Darul Ridzuan



**P**elan Anti Rasuah (OACP) Negeri Perak ini merupakan sebuah dokumen utama yang memaparkan komitmen seluruh warga perkhidmatan awam Negeri Perak untuk menghapuskan amalan rasuah dan salahlaku integriti dalam jabatan. Dalam membangunkan OACP Negeri Perak, pentadbiran kerajaan negeri turut mengambil kira aspirasi negara dan negeri untuk menjadikan Malaysia dan Negeri Perak sebagai sebuah negara dan negeri yang bebas rasuah.

Penghasilan OACP Negeri Perak ini juga telah mendapat kerjasama penuh daripada pelbagai pihak yang menyumbang *input* bagi penilaian risiko rasuah di Jabatan Negeri Perak termasuk Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan juga pihak Institut Integriti Malaysia (IIM). Justeru itu, pentadbiran kerajaan negeri yakin bahawa setiap intipati OACP Negeri Perak ini telah mengambil kira senario dan punca permasalahan rasuah di dalam Perkhidmatan Awam Negeri Perak secara menyeluruh.

Bagi memastikan kejayaan dan kepatuhan kepada OACP Negeri Perak ini, pentadbiran kerajaan negeri telah menetapkan perancangan yang seiring dengan keperluan serta kehendak semasa dan pada masa akan datang termasuk kesesuaian dengan undang-undang dan dasar kerajaan negeri. Harapan pentadbiran ini adalah tinggi dan pentadbiran memerlukan sokongan dan komitmen penuh semua pihak untuk menghentikan sebarang bentuk rasuah dalam perkhidmatan awam.

*'SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN'*

**DATO' AHMAD SUAIDI BIN ABDUL RAHIM**

# PERNYATAAN KOMITMEN

**YB DATO' AHMAD SUIDI BIN ABDUL RAHIM**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan



# RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Anti Rasuah (OACP) Negeri Perak ini telah dibangunkan seiring dengan komitmen Kerajaan Negeri terhadap Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023 bagi mencapai aspirasi supaya Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah. Ini merupakan dokumen utama yang akan menjadi panduan untuk menangani masalah rasuah, salahguna kuasa, penyelewengan dan salahlaku dalam jabatan dan agensi di Negeri Perak.

## Nilai Bersama

Keberkesanan OACP Negeri Perak ini bergantung kepada komitmen seluruh pentadbiran kerajaan negeri ini. Justeru itu, pembentukan nilai dan budaya kerja serta minda kelas pertama yang akan menyokong penuh komitmen ini boleh digambarkan melalui **5 prinsip utama** iaitu **PERAK** :



## Hala Tuju

Dalam menjadikan Perak sebagai sebuah negeri bebas rasuah, **tiga (3) matlamat khusus yang akan diterapkan** iaitu :

- a) Memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap, kreatif dan inovatif melalui strategi tadbir urus dan sistem kawalan dalaman;
- b) Meningkatkan kredibiliti badan penguatkuasaan; dan
- c) Memperkukuh proses perolehan dan pemantauan projek

## Strategi dan Pelan Tindakan

Tiga bidang utama berisiko di pentadbiran ini adalah **Pengurusan dan Pentadbiran, Penguatkuasaan dan Perolehan Awam**. Bagi menanganinya secara holistik, Pelan ini telah menggariskan **tiga (3) bidang utama berisiko** sebagai strategi utama yang memayungi **enam (6) objektif** serta **tujuh belas (17) inisiatif** secara keseluruhan. Setiap strategi dan pelan tindakan yang dirangka adalah mengambil kira keperluan kepada pemantapan integriti, pemerkasaan sumber manusia dan struktur organisasi, penambahbaikan dasar, sistem dan teknologi pengukuhan pemantauan dan pencegahan rasuah.

## Keperluan Pemantauan

Pemantauan dan penilaian (*Monitoring and Evaluation*) secara berkala akan dilaksanakan bagi pemantauan prestasi **tujuh belas (17) inisiatif OACP** oleh semua pemegang taruh untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan pelan ini. Sehubungan itu, pemantauan OACP ini akan menjadi agenda wajib dalam Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah Peringkat Negeri Perak (JAR) sebagai medium pemantauan.



# ISU DAN CABARAN

## STATISTIK KESALAHAN SALAHLAKU NEGERI PERAK

Aduan-aduan ini telah diterima melalui beberapa kaedah iaitu melalui surat rasmi, surat layang, telefon, email rasmi serta pemakluman lisan terus kepada pentadbiran ini.


Berdasarkan statistik aduan 2017 sehingga 2019 yang diterima oleh Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Sektor Pentadbiran menduduki tempat pertama bagi tiga (3) tahun berturut-turut diikuti sektor penguatkuasaan, sektor perkhidmatan dan sektor perolehan.

Dari sudut salahlaku disiplin pula, statistik tatatertib yang diterima bagi pihak Berkuasa Tempatan, ketidakhadiran bertugas adalah merupakan kesalahan yang dilaporkan tertinggi diikuti oleh kesalahan salah laku dan penyalahgunaan dadah.


Bagi statistik tindakan tatatertib di bawah pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak pula menunjukkan bahawa kesalahan pelanggaran disiplin dan tatakelakuan penjawat awam adalah melibatkan dari jenis kesalahan-kesalahan seperti ketidakhadiran bertugas, keberhutangan kewangan yang serius, penyalahgunaan dadah dan lain-lain kesalahan melibatkan jenayah.

Bagi statistik tangkapan penjawat awam oleh pihak SPRM Negeri Perak mengikut jenis agensi bagi tahun 2017 sehingga 2019 menunjukkan peningkatan secara drastik di kalangan Penjawat Awam yang melakukan kesalahan mengemukakan tuntutan palsu.


## Statistik Aduan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak yang diterima oleh Unit Integriti bagi tahun 2017 sehingga tahun 2019




## Statistik Aduan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak yang diterima oleh Bahagian Korporat bagi tahun 2017 sehingga tahun 2019




## Statistik Kes Tatatertib Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak bagi tahun 2017 sehingga tahun 2019




## Statistik Kes Tatatertib Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2017 sehingga tahun 2019



## Statistik Tangkapan Penjawat Awam oleh pihak SPRM Negeri Perak mengikut jenis agensi bagi tahun 2017 sehingga 2019



## Statistik Tangkapan Penjawat Awam oleh pihak SPRM Negeri Perak mengikut jenis kesalahan bagi tahun 2017 sehingga 2019



Tangkapan pada 2019 menyaksikan peningkatan jumlah sembilan (9) kali ganda daripada tahun 2018 dengan kesalahan tertinggi oleh penjawat awam adalah mengemukakan tuntutan palsu bagi Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

# LAPORAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)

## PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak telah mengadakan bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) yang telah dihadiri seramai 110 orang pegawai daripada pelbagai jabatan kerajaan Negeri Perak pada 28 dan 29 Ogos 2019 di Hotel Casuarina Meru dengan kerjasama pihak Institut Integriti Malaysia (IIM).



Tujuh (7) risiko rasuah adalah di bawah kategori *High* dan lapan (8) risiko rasuah adalah di bawah kategori *Significant*. Risiko rasuah adalah seperti berikut :

#### KATEGORI *HIGH*

- 1 Manipulasi dalam Proses Pemilihan Peserta Untuk Pembangunan Tanah Rancangan (RTB/RPT) dan Anugerah Tanah
- 2 Manipulasi Dokumen Perakuan YAB Menteri Besar
- 3 Menerima Suapan dalam Penyediaan Laporan Tanah yang tidak telus
- 4 Campur Tangan JPKK / Ahli Majlis ke dalam Pentadbiran dan Perolehan
- 5 Salah Guna Kuasa Dalam Proses Membuka Tender
- 6 Tuntutan Palsu dan Pemalsuan Dokumen
- 7 Penawaran Rasuah oleh Pihak Kontraktor

#### KATEGORI *SIGNIFICANT*

- 1 Manipulasi dalam Proses Pemilihan Peserta untuk Bantuan Kad Prihatin
- 2 Penyalahgunaan Kuasa dalam Perlantikan Pegawai
- 3 Ketidaktelusan Pemantauan Projek
- 4 Pakatan Meluluskan Calon Temuduga
- 5 Kebocoran Maklumat Sebutharga / Tender
- 6 Penerimaan Rasuah dalam Melulus Permit / Lesen Perniagaan dan Hiburan
- 7 Kebocoran Maklumat Operasi / Siasatan
- 8 Penipuan Maklumat Pas / Lesen Pemindah oleh Pegawai Balai Pemeriksaan Hutan

Kedadaan ini dipengaruhi oleh beberapa faktor utama di peringkat dalaman dan luaran iaitu :

**Kelemahan penghayatan dan pengamalan etika dalam kalangan warga mengakibatkan terdedah kepada amalan penyelewengan dan salahguna kuasa**

Etika Perkhidmatan dan nilai organisasi sudah kurang dijadikan panduan kepada warga kerja semasa menjalankan tanggungjawab untuk menyampaikan perkhidmatan berkualiti dan terbaik kepada pelanggan-pelanggan jabatan. Oleh yang demikian, warga Jabatan dan Agensi di Negeri Perak tidak memiliki limitasi batas yang boleh melindungi mereka daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang menyalahi perundangan dan peraturan Jabatan.

**Tahap pematuhan undang-undang dan prosedur yang rendah dalam kalangan warga Jabatan**

Penjawat awam negeri adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1995. Pengabaian dan mengambil ringan berhubung perkara ini menjadi warga kerja lebih cenderung untuk mentafsir sendiri berdasarkan amalan yang akhirnya memberi impak negatif kepada kutipan hasil Jabatan dan Agensi khususnya serta ekonomi Negeri amnya.

**Kesukaran mengesan perlakuan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan warga Jabatan**

Perlakuan pemberian dan penerimaan rasuah dalam kalangan warga kerja ini telah berubah seiring dengan kepesatan dan kecanggihan teknologi. Penggunaan teknologi dan sistem ini didapati amat berkesan dalam mengaburi mata pihak Pengurusan Tertinggi Pentadbiran untuk mengesan, mencegah sekali gus mengenakan tindakan tegas (punitif) kepada warga kerja yang terbabit melainkan (Warga Kerja) menyuburkan sifat dan budaya (cintakan jabatan) iaitu membenci rasuah.

**Keperluan memantap sistem penyampaian perkhidmatan yang memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan dalaman dan luaran serta pemegang taruh**

Kelemahan penyediaan perkhidmatan yang dapat memenuhi ekspektasi pelanggan dalaman dan luaran serta pemegang taruh adalah akibat daripada warga kerja yang kurang berkemahiran, berpengetahuan, berkeupayaan dan mematuhi perundangan serta peraturan. Justeru itu, Pengurusan Tertinggi Jabatan dan Agensi hendaklah melakukan anjakan paradigma dan penilaian secara holistik bagi mengenal pasti dan mengemukakan idea-idea bernas dan bersesuaian yang dapat dipraktikkan oleh seluruh warga kerja demi memantapkan budaya kerja profesional dalam Jabatan.



## CABARAN UTAMA

Cabaran utama masa depan ialah untuk mengekalkan tadbir urus yang baik dalam persekitaran yang dinamik di samping menghadapi persaingan terutamanya di peringkat global bagi memenuhi ekspektasi semasa kehendak pelanggan.

Daya saing negeri perlu dipertingkatkan melalui usaha-usaha meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan integriti yang merupakan ciri-ciri utama bagi tadbir urus yang baik. Oleh itu usaha berterusan juga amat diperlukan untuk memastikan tahap integriti yang tinggi bagi perkhidmatan dan pegawai.

Kepesatan pembangunan ICT menyebabkan pergerakan pantas transaksi dan informasi seperti electronic funds transfer bagi transaksi wang rasuah. Sehubungan itu, ia secara tidak langsung mengakibatkan pengesanan jenayah dan wang hasil tersebut bertambah rumit dan sukar dibuat pengesanan.

Justeru itu, kapasiti dan keupayaan pegawai awam perlu selari dengan perkembangan semasa dan perubahan yang datang secara tidak menentu. Pegawai perlu berpandangan lebih jauh dan cekap terhadap sesuatu isu agar dapat menanganinya dengan lebih berkesan dan secara menyeluruh. Pegawai juga perlu berintegriti bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan sampai ke golongan sasaran.

# PELAN ANTI RASUAH (OACP) NEGERI PERAK 2021-2025

## VISI

Perak Bebas Rasuah Tahun 2025

## MISI

Memperkasa Sistem Penyampaian  
Perkhidmatan Awam Melalui Tadbir Urus  
Yang Cepak dan Berintegriti

Kerangka Pelan Anti Rasuah (OACP) Kerajaan Negeri Perak secara umumnya menggariskan tiga (3) misi penting yang mendukung kepada halatuju ke arah Perak Bebas Rasuah menjelang 2025. Misi ini secara ringkasnya menekankan kepada keperluan perkhidmatan yang cekap dan telus, pematuhan kepada undang-undang pencegahan rasuah serta pengukuhan integriti seluruh warga jabatan dan agensi di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Perak.

### 3 STRATEGI

#### Pengurusan dan Pentadbiran

- ▶ Memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap, kreatif dan inovatif melalui strategi tadbir urus dan sistem kawalan dalaman

#### Penguatkuasaan

- ▶ Meningkatkan kredibiliti badan penguatkuasaan

#### Perolehan Awam

- ▶ Memperkukuh proses perolehan dan pemantauan

### 6 OBJEKTIF STRATEGIK

#### Objektif strategik adalah :

- ▶ Menangani Campur Tangan Luar dalam Pentadbiran
- ▶ Memperkasa Penyampaian Perkhidmatan
- ▶ Memperkasa Akauntabiliti dan Pembudayaan Nilai
- ▶ Memastikan Pembangunan Mekanisme Pemantauan dan Penguatkuasaan
- ▶ Mengukuhkan Ketelusan Perolehan Awam
- ▶ Memperkasakan Sistem Pemantauan

### 17 PELAN TINDAKAN

#### Pelan Tindakan ini terdiri daripada :

- ▶ 3 Jangka Pendek (Jan – Dis 2021)
- ▶ 7 Jangka Sederhana (Jan 2021 – Dis 2022)
- ▶ 7 Jangka Panjang (Jan 2021 – Dis 2025)

# Bidang Berisiko

## PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

### OBJEKTIF 1 : Menangani Campur Tangan Luar Dalam Pentadbiran

BIL.	PELAN INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TAHUN
1.	Pelaksanaan tapisan keutuhan serta penetapan syarat / kriteria / kelayakan / pengalaman untuk pelantikan dalam pemilihan Lembaga Pengarah, Ketua Eksekutif bagi Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan dan Syarikat Jaminan Kerajaan.	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	2021 – 2025

### OBJEKTIF 2 : Memperkasakan Penyampaian Perkhidmatan

BIL.	PELAN INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TAHUN
1.	Mewujudkan Unit Penyelarasan Daerah di UPEN.	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)	2021
2.	Melaksana Pensijilan <i>Anti-bribery Management System</i> (ABM MS ISO 37001:2016) di semua Jabatan/ Agensi.	Unit Integriti	2021 – 2025
3.	Pematuhan semua pekeliling dan garis panduan yang dikeluarkan oleh PKN bagi kelulusan Projek / Kontrak.	Pejabat Kewangan Negeri Perak	2021

4.	Mewujudkan sistem bagi penyelarasan senarai penerima-penerima bantuan kerajaan negeri yang berkeelayakan.	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)	2021 – 2022
5.	Pelaksanaan Sistem e-Tanah untuk pendigitalan perkhidmatan bagi urusan berkaitan tanah.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak	2021 – 2022
6.	Mewujudkan sistem pemantauan dan pengukuran KPI berdasarkan Pelan Pembangunan Negeri Perak 2030.	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)	2021 – 2025

### OBJEKTIF 3 : Memperkasakan Akauntabiliti dan Pembudayaan Nilai

BIL.	PELAN INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TAHUN
1.	Mengadakan kursus, latihan dan Pembangunan Pelan Latihan kepada pegawai dan kakitangan di bawah Kerajaan Negeri Perak, Ketua Kampung dan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan berhubung dasar dan pelaksanaan projek.	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)	2021 – 2025
2.	Pembangunan Pelan Penggantian Pegawai Awam.	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	2021 – 2022
3.	Pembangunan Pelan Penggantian Pegawai Awam Negeri Perak dengan fokus kepada mewujudkan <i>Subject Matter Expert</i> (SME).	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	2021 – 2022

# Bidang Berisiko

## PENGUATKUASAAN

### OBJEKTIF 1 : Penguatan Mekanisme Pemantauan dan Penguatkuasaan

BIL.	PELAN INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TAHUN
1.	Memperkuhkan Garis Panduan / Mekanisme bagi Penguatkuasaan Tanah (pencerobohan tanah kerajaan / tukar syarat / rampasan dll).	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak	2021 – 2025
2.	Semakan semula Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1997.	Bahagian Khidmat Pengurusan	2022



# Bidang Berisiko

## PEROLEHAN AWAM

### OBJEKTIF 1 : Mengukuhkan Ketelusan Perolehan Awam

BIL.	PELAN INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TAHUN
1.	Memperkenalkan Dasar Perolehan yang komprehensif mengenai konflik kepentingan semasa proses perolehan.	Pejabat Kewangan Negeri Perak	2021 – 2022
2.	Melaksana naziran secara berkala ke atas dokumen yang berkaitan perolehan.	Unit Audit Dalam	2021 – 2025

### OBJEKTIF 2 : Memperkasa Sistem Pemantauan

BIL.	PELAN INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TAHUN
1.	Membangun Bank Data sistem prestasi kontraktor secara bersepadu.	Pejabat Kewangan Negeri Perak	2021 – 2025
2.	Mematuhi Garis Panduan Kawalan Perbelanjaan berasaskan “ <i>Value For Money</i> ” untuk mengekang ketirisan dana kerajaan.	Pejabat Kewangan Negeri Perak	2021
3.	Memperkenalkan sistem e-Projek dalam memantau Pengurusan Projek dan kelulusan projek.	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)	2021 – 2022

# Mekanisme PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

Pelaksanaan OACP Negeri Perak dilaksanakan secara menyeluruh dengan melibatkan kerjasama di antara pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan, warga Jabatan, Pelanggan dan *stakeholder*. Bagi memastikan pelaksanaannya bergerak seiring dengan NACP maka berikut adalah Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan :

## STRUKTUR TADBIR URUS PEMANTAUAN PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI

PELAPORAN OLEH JABATAN DAN AGENSI PEMEGANG TARUH  
KEPADA UNIT INTEGRITI, SUK



### JAWATANKUASA ANTI RASUAH (JAR) PERINGKAT NEGERI PERAK

Menerima Laporan prestasi OACP daripada Jabatan / Agensi.  
*(dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri)*

- ▶ Menerima Laporan Prestasi Suku Tahun OACP daripada Pemegang Taruh
- ▶ Mendapatkan penjelasan daripada pelaksana pelan tindakan
- ▶ Mengabsahkan dasar & Membuat keputusan
- ▶ Memperakukan isu & laporan untuk dikemukakan kepada JAR Peringkat Kebangsaan jika diperlukan.



### JAWATANKUASA ANTI RASUAH (JAR) PERINGKAT KEBANGSAAN

Pelaporan untuk dikemukakan kepada JAR Kebangsaan  
sekiranya diperlukan.

# Mekanisme

## PENYELARASAN DAN PENILAIAN

- a) Bagi memantapkan sistem pemantauan pelaksanaan OACP Negeri Perak, semua Pemegang Taruh dikehendaki :
- ▶ Melantik *desk officer* tetap bagi memantau pelaksanaan pelan tindakan di peringkat masing-masing melalui Pegawai Integriti Jabatan (PIJ);
  - ▶ Melaksanakan program-program berkaitan yang telah ditetapkan dan membuat pemantauan ke atas pelaksanaan program-program tersebut; dan
  - ▶ Mengemukakan laporan pelaksanaan masing-masing bagi setiap suku tahun kepada di dalam Mesyuarat JAR Peringat Negeri Perak.
- b) Penilaian merupakan amalan yang penting bagi memastikan setiap tindakan yang diambil memenuhi kehendak dan matlamat OACP Negeri Perak. Dalam mengenal pasti kemajuan dan prestasi pelaksanaan setiap strategi dan pelan tindakan, semua aktiviti akan sentiasa dipantau dan dinilai berdasarkan mekanisme seperti yang tersebut.
- c) Penilaian pencapaian OACP Negeri Perak ini akan dijalankan pada setiap akhir tahun kalendar. Satu kajian semula OACP Negeri Perak dan kajian keberkesanan akan dibuat pada tahun 2025 untuk menentukan keberkesanan secara holistik.
- d) Penilaian prestasi bagi setiap pelan tindakan yang telah digariskan hendaklah dibuat bagi memastikan peratus (%) pelaksanaannya mengikut perancangan dalam tempoh masa ditetapkan.
- e) Manakala, penilaian keseluruhan pencapaian OACP Negeri Perak boleh dinilai berdasarkan petunjuk-petunjuk berikut :

### MENGURANGKAN PELANGGARAN TATAKELAKUAN DI KALANGAN WARGA

- ▶ Statistik kes-kes tatatertib yang melibatkan warga Jabatan berkurangan.
- ▶ Bilangan aduan yang diterima oleh Bahagian Korporat (SISPA) dan Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak berkurangan.
- ▶ Teguran Ketua Audit Negara semakin menurun.

### MEMUPUK KESEDARAN PEGAWAI UNTUK MELAPORKAN KESALAHAN RASUAH

- ▶ Pengurangan statistik kes-kes melibatkan warga Jabatan yang disiasat dan didakwa di Mahkamah oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.



## KESIMPULAN

Tujuan utama pembangunan dan penggubalan Pelan Anti Rasuah (OACP) Negeri Perak adalah untuk menghasilkan pelan secara holistik yang praktikal dan strategik dalam usaha memerangi rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Ia adalah sejajar dengan merealisasikan usaha kerajaan ke arah negara bebas rasuah dan berintegriti.

Pelan ini akan dinilai dari masa ke semasa dan dipantau secara berterusan. Ia adalah bertujuan melahirkan penjawat awam yang mempunyai nilai-nilai yang tinggi dan menghasilkan tadbir urus yang berintegriti selaras dengan aspirasi negara.

Pelaksanaan Pelan yang dibangunkan dalam tempoh 5 tahun ini bukan sahaja dapat mengekalkan tahap integriti yang terbaik malah meningkatkan komitmen yang tinggi dalam memberikan perkhidmatan kepada stakeholders. Sehubungan itu, komitmen yang tinggi adalah diperlukan bagi memastikan keberhasilan pelan ini.

A close-up photograph of a person in a dark blue suit and a patterned tie, sitting at a desk and writing on a document with a pen. The person's hands are visible, and they are wearing a ring on their left hand. The background is slightly blurred, showing an office environment.

# **DASAR DAN POLISI ANTI RASUAH**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI PERAK**

# LATAR BELAKANG

## 01 TUJUAN

Polisi Antirasuah ini dibangunkan sebagai garis panduan dalam usaha memerangi perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan di Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak. Polisi ini perlu menjadi sumber rujukan mengenai perlakuan rasuah, mekanisme pelaporan dan pencegahan rasuah.

## 02 PEMAKANAN

Polisi ini terpakai kepada semua penjawat awam yang berkhidmat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak. Polisi ini juga panduan kepada pemegang taruh, rakan niaga atau mana-mana individu / organisasi yang berurusan dengan warga / fasiliti Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

## 03 PENYATAAN POLISI

Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak mensasarkan toleransi sifar kepada amalan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan salah laku dalam urusan pentadbiran dan operasi. Bagi tujuan itu, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak komited untuk memberi penekanan kepada lima (5) perkara berikut :

- I. Dasar, Perundangan dan Peraturan
- II. Sistem dan Prosedur Kerja
- III. Pengukuhan Governans dan Integriti
- IV. Pengesanan dan Pematuhan
- V. Punitif dan Pemulihan

## 04 TAKRIFAN

Rasuah dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) membawa maksud memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

# PERLAKUAN POTENSI RASUAH



# KESALAHAN RASUAH

## Akta SPRM 2009



## Seksyen 16 Akta SPRM 2009

Mana-mana orang secara rasuah meminta atau menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi;

*atau*

Mana-mana orang secara rasuah memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi.

## Seksyen 17 Akta SPRM 2009

Mana-mana orang sebagai seorang ejen secara rasuah menyetujui terima atau memperoleh daripada mana-mana orang untuk dirinya atau orang lain, apa-apa suapan sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya;

*atau*

Mana-mana orang sebagai seorang ejen memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau menawarkan apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya.

## Seksyen 18 Akta SPRM 2009

Mana-mana orang yang memberi seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen menggunakan, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang prinsipalnya mempunyai kepentingan, dan dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi apa-apa pernyataan yang palsu atau silap tentang apa-apa butir matan, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.

## Seksyen 23 Akta SPRM 2009

Menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan pegawai badan awam; Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya.

# KESALAHAN PENERIMAAN BARANG / HADIAH / SUMBANGAN

## Seksyen 165, Kanun Keseksaan (Akta 574)

Mana-mana pegawai awam yang menerima atau memperoleh, atau setuju untuk menerima atau cuba untuk memperoleh untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain apa-apa barangan berharga dengan tiada balasan atau dengan balasan yang pegawai mengetahui tidak mencukupi daripada mana-mana orang yang pegawai mengetahui telah; atau sedang; atau mungkin berkaitan dengan apa-apa urusan rasmi yang telah dijalankan; atau yang akan dijalankan oleh pegawai itu; atau berkaitan dengan tugas rasmi pegawai atau dengan tugas rasmi mana-mana pegawai di bawah seliaan pegawai itu hendaklah dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Kelab Kebajikan dan Sukan adalah tidak dibenarkan menghubungi terus atau secara langsung syarikat-syarikat swasta atau orang awam untuk mendapatkan bantuan kewangan dengan apa cara sekalipun bagi membiayai aktiviti mereka. Walau bagaimanapun, apa-apa sumbangan yang hendak disumbangkan kepada Kelab Kebajikan dan Sukan oleh syarikat-syarikat swasta dan orang awam hendaklah disalurkan kepada Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK). Kelab Kebajikan dan Sukan di peringkat Perbendaharaan bolehlah membuat permohonan kepada MAKSAK bagi mendapatkan peruntukkan masing-masing. RUJUKAN: PP 3/1998

## POLISI PENERIMAAN HADIAH

Semua warga PSUK PERAK tidak boleh meminta atau menerima segala bentuk hadiah seperti wang, tajaan percutian, tambang percuma, perkhidmatan dan sebagainya daripada mana-mana orang yang mempunyai hubungan dengan tugas rasmi.

Seseorang individu juga tidak boleh menerima hadiah yang tidak sepadan dengan maksud iainya diberikan atau diterima dengan niat rasuah atau jenayah. Sekiranya individu tersebut berada di dalam keadaan dimana pemberian hadiah itu sukar ditolak, individu tersebut boleh menerimanya tetapi hendaklah melaporkan kepada ketua jabatan untuk mendapatkan kelulusan.

### RUJUKAN:

1. *Pekeliling Perkhidmatan Bil 3 Tahun 1998 : Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah Di Dalam Perkhidmatan Awam.*
2. *Peraturan 8, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib).*



# POLISI PEMBERI MAKLUMAT

## TUJUAN

- ▶ Menggalakkan pelaporan apa-apa pelanggaran tatakelakuan atau perbuatan rasuah samada yang sedang berlaku, disyaki akan berlaku atau yang telah berlaku, sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang, salah laku dan penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan ke saluran yang telah ditetapkan tanpa rasa takut atau bimbang.
- ▶ Memberi keyakinan kakitangan, orang awam, pembekal, kontraktor dan lain-lain pihak ketiga yang membuat pendedahan, bahawa mereka dilindungi dan disimpan secara rahsia serta tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak yang lain. Pelindungan tidak akan diberikan sekiranya Jabatan mendapati pendedahan tersebut dibuat dengan niat jahat atau untuk kepentingan peribadi.

## LAPORAN SALAH LAKU ADALAH TERHAD KEPADA

- ▶ Mengambil atau memberi rasuah
- ▶ Penyalahgunaan kuasa
- ▶ Penipuan sebenar atau yang disyaki
- ▶ Perlakuan pelanggaran undang-undang dan peraturan
- ▶ Sebarang tindakan yang melibatkan percanggahan kepentingan
- ▶ Pencurian, penyelewengan dan penyalahgunaan inventori atau aset
- ▶ Kesalahan jenayah, memeras ugut
- ▶ Tingkah laku yang tidak beretika
- ▶ Pemalsuan dokumen

## PEMBATALAN PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

- ▶ Pemberi maklumat itu sendiri telah menyertai kelakuan tidak wajar yang didedahkan sendiri.
- ▶ Pemberi maklumat dengan sengaja membuat pendedahan kelakuan tidak wajarnya suatu pernyataan yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya sebagai benar.
- ▶ Pendedahan kelakuan tidak wajar itu adalah remeh dan menyusahkan.
- ▶ Pendedahan kelakuan tidak wajar mempersoalkan merit, dasar kerajaan terutamanya dasar sesuatu badan awam.
- ▶ Pendedahan kelakuan tidak wajar tersebut dibuat semata-mata atau sebahagian besarnya dengan motif untuk mengelak daripada dibuang kerja atau Tindakan tatatertib yang lain.
- ▶ Pemberi maklumat dalam perjalanan membuat pendedahan itu atau memberikan maklumat lanjut, melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

## PERLINDUNGAN

- ▶ Maklumat peribadi pengadu dilindungi
- ▶ Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan





## PERANAN DAN TINDAKAN

### JANGAN MINTA

Penjawat Awam di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak dilarang meminta atau menerima apa-apa bentuk suapan.

### LAPOR

Penjawat Awam di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak hendaklah dengan segera melaporkan apa-apa perlakuan rasuah kepada Ketua Jabatan; atau Unit Integriti SUK PERAK atau SPRM.

### JANGAN SUBAHAT

Sekiranya mana-mana individu menerima arahan daripada pihak atasan untuk melakukan atau bersubahat dalam melakukan kesalahan rasuah ataupun perkara yang tidak mengikut undang-undang dan peraturan, individu tersebut hendaklah menolak arahan tersebut DAN melaporkan perkara ini.

### TOLAK

Penjawat Awam di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak hendaklah menolak apa-apa tawaran atau pemberian rasuah.

# PENGIKTIRAFAN

01

Pengiktirafan dalam bentuk sijil penghargaan, pencalonan anugerah pingat di peringkat Persekutuan atau Negeri, atau ganjaran boleh diberikan kepada mana-mana penjawat awam yang melaporkan pemberian dan penerimaan rasuah berdasarkan Surat Edaran Ketua Setiausaha Negara bertarikh 11 Mei 2011.

02

Ganjaran khas kepada individu yang memberikan maklumat melalui Unit Integriti SUK Perak berhubung ketirisan atau salah laku dalam pengurusan Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak sehingga kes berkenaan dibawa ke muka pengadilan.





# LAPORKAN



# *Penghargaan*

**YAB MENTERI BESAR PERAK**

**YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK**

**YB PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK**

**YB PEGAWAI KEWANGAN NEGERI PERAK**

**TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PENGURUSAN)**

**TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PEMBANGUNAN)**

**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**

**BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT**

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**

**BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN**

**UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI**

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI &  
MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN**

**BAHAGIAN KORPORAT**

**UNIT AUDIT DALAM**

**PEJABAT-PEJABAT DAERAH DAN TANAH NEGERI PERAK**

**PIHAK-PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK**

**PUSAT GOVERNANS, INTEGRITI & ANTI RASUAH NASIONAL (GIACC)**

**INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)**

**SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA NEGERI PERAK**

**BIRO PENGADUAN AWAM NEGERI PERAK**

# **PUTUSKAN RANTAIAN RASUAH**







**UNIT INTEGRITI**  
**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK**

Aras 3, Bangunan Perak Darul Ridzuan  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab  
30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

[www.perak.gov.my](http://www.perak.gov.my)



**SAMA-SAMA KITA PUTUSKAN RANTAIAN RASUAH**